



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE EXAMINATION  
(SUPPLEMENTARY) 2025**

**CIVIL PROCEDURE**

**Monday, 17 November 2025**

**Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.**

**Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.**

- 
- \* THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B'.**
  - \* YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
  - \* YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
  - \* GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
  - \* RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
- 

**REMINDER:**

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer the questions **either** in the English or national language.

**(This question paper has 7 questions printed on 9 pages)**



**PART A: COMPULSORY QUESTION****1. Candidates MUST answer this question**

- (a) A case was fixed for trial in the Kuala Lumpur High Court. On the trial date, counsel for the Defendant applied for a postponement as the Defendant was absent. The reason for his absence was that his early morning flight from Kuching to Kuala Lumpur was delayed due to bad weather.

**Advise the Plaintiff if he can successfully object to the request for the postponement. Give reasons for your answer.**

**(5 marks)**

- (b) Assume that the request for postponement of the trial was disallowed by the court and the Judge ordered the trial to commence.

**Can the Plaintiff's counsel apply to the court to enter judgment against the Defendant on the ground that the Defendant is absent? Give reasons for your answer.**

**(5 marks)**

- (c) Assume that the court did not allow the Plaintiff to enter judgment against the Defendant and ordered that the trial should proceed. Before the Plaintiff commences his testimony, the Judge orders the various bundles of documents which were filed by the parties prior to the trial to be marked.

**Advise the Plaintiff on the criteria followed by the court to distinguish and mark the various bundles of documents.**

**(5 marks)**

- (d) Just before the Plaintiff commenced his testimony, counsel for the Defendant made a preliminary objection against the Plaintiff's claim on the ground that the Plaintiff's statement of claim was defective.

**Advise the Plaintiff if the Defendant's counsel's preliminary objection will succeed.**

**(5 marks)**

- (e) Assume that the Judge ordered that the trial should proceed. The Plaintiff closed his case and counsel for the Defendant was asked to open the defence case. At this point, counsel for the Plaintiff realised that he had failed to put an important question to the Plaintiff during re-examination. The Plaintiff wants to reopen his case to include the additional question in re-examination.

**Advise the Plaintiff if this can be done.**

**(5 marks)**

**PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**

**2. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) ABC Sdn. Bhd. purchased an artwork from Peter which it has placed in its directors' boardroom. The purchase price is RM1.5 million and the company has 60 days to pay the sum to Peter. In the meantime, ABC Sdn. Bhd. has been approached by David who claims that the artwork belongs to him and that it was unlawfully removed from his studio by Peter. ABC Sdn. Bhd. decided to cancel the purchase of the artwork from Peter. Both Peter and David have now demanded that ABC Sdn. Bhd. return the artwork to each of them, respectively, and both of them have appointed their own solicitors to make legal demands against ABC Sdn. Bhd.

**Advise ABC Sdn. Bhd. on the procedure it should adopt in order to avoid becoming entangled in the dispute between Peter and David.**

**(8 marks)**

- (b) Phang filed a writ action against XY Contractor Sdn. Bhd. for damages arising from serious defects in the construction of a holiday home for him in Fraser's Hill. While preparing for the trial, Phang's solicitors asked him to provide technical drawings produced by the consultant engineer for the holiday home. The consultant engineer ignored Phang's request to provide the technical drawings to Phang. Phang's solicitors are of the view that the technical drawings are essential if he is to succeed at the trial.

**Advise Phang on the procedure he should adopt to obtain the technical drawings from the consultant engineer and the legal principles involved.**

**(8 marks)**

- (c) Wong, a citizen of China who lives in China, is a cash purchaser of a condominium unit in Kuala Lumpur, having purchased it from a developer. Wong filed a claim in the Sessions Court against the developer for damages for the late delivery of vacant possession and for defects to the condominium. The developer filed an application in court requiring Wong to provide security for costs on the ground that he is ordinarily resident out of the jurisdiction of the Malaysian courts. Wong has sought your advice as to whether he can successfully object to the developer's application for security for costs.

**Advise Wong on the legal principles which are applicable when the court determines the application for security for costs.**

**(9 marks)**

**3. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) Hassan filed a writ action in the Sessions Court against Daud for injuries suffered by him in a road accident caused by the negligence of Daud. Hassan has informed Daud that at the trial of the action, he will claim RM500,000.00 as special and general damages including costs against Daud. Daud has been advised by his solicitor that Hassan's total damages will not exceed

RM100,000.00. Daud wants to offer RM100,000.00 to Hassan and if Hassan refuses the offer, he wants Hassan to be liable to pay the costs of the action if less than RM100,000.00 is awarded by the court.

**Advise Daud on the procedure that he should adopt.**

**(8 marks)**

- (b) A Plaintiff filed an action in libel against a Defendant. In his statement of claim, the Plaintiff claimed for general damages. Although the writ of summons and statement of claim were served on the Defendant, he failed to enter an appearance within the time limited to enter the appearance.

**Advise the Plaintiff on the procedural steps he should adopt in view of the Defendant's default.**

**(9 marks)**

- (c) Param was lawfully using a pedestrian crossing to cross the road when a car driven by Devan collided with him. The car then crashed into another vehicle. Devan was killed in the subsequent collision. Param suffered serious injuries. Param now wants to file a writ action against Devan's estate for general damages. To the best of Param's knowledge, no letters of administration or grant of probate have been issued in respect of the estate of Devan.

**Advise Param on the procedure he should adopt if he wants to commence legal action against the estate of Devan.**

**(8 marks)**

**4. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) A Plaintiff filed a writ action against a Defendant at the High Court of Malaya at Kota Bharu, Kelantan and the writ was issued on 1 June 2025. As the Defendant could not be located despite several attempts at service, the case in court kept being postponed. On 16 November 2025, when the case

came up for case management, the court directed that the writ must be served by the next case management date on 15 December 2025.

**Advise the Plaintiff on the procedural steps he should take in order to effect a valid service of the writ of summons.**

**(10 marks)**

- (b) Adam entered into a lease agreement with a mall owner, namely Zee Mall Berhad, to lease ten (10) shoplots for the purpose of carrying out furniture business for a period of 10 years. Adam paid the rental for the first year of the lease. Zee Mall Berhad subsequently suspected that Adam may convert the furniture business into a business selling coffins and if this happened, the image of the mall would be greatly affected, and the other tenants of the mall may not renew their tenancies. However, Zee Mall Berhad has no evidence to support their suspicions.

Zee Mall Berhad has given notice of termination of the lease to Adam and has threatened to evict him from the premises.

**Adam wants Zee Mall Berhad to be bound by the terms of the lease agreement and wants a court order speedily to compel Zee Mall Berhad to comply with the lease agreement. Advise Adam on the procedure that he should adopt in the circumstances.**

**(8 marks)**

- (c) Ahmad and Harun are partners in a firm of accountants. They had executed a profit-sharing agreement between themselves relating to the division of profits. A dispute has arisen between them in respect of the division of profits. Ahmad has filed a writ action against Harun seeking, *inter alia*, a declaration that Ahmad is entitled to a larger portion of the profits under the profit-sharing agreement.

Harun takes the view that Ahmad has misinterpreted a clause in the profit-sharing agreement and that the dispute can be resolved if the court could determine the real meaning of the clause. The case is fixed for trial in 2026.

**Harun wants a quick resolution of the dispute in court and has sought your advice on the quickest way to resolve the issue without the need to go to a full trial.**

**(7 marks)**

**5. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) Yusuf and Raja were equal partners in a firm. They have had a long-standing business relationship with Bakar who supplied building materials to them. After a while, Yusuf and Raja stopped paying Bakar for the goods supplied and soon after, their firm ceased operations. Raja's whereabouts are unknown. Bakar filed a writ action against Yusuf for the amount owed to him by the firm. For some unknown reason, Bakar did not name Raja as a co-defendant.

Yusuf is unhappy that Bakar has not included Raja in the writ action. Yusuf is of the view that Raja should be made liable for 50% of whatever sums are due to Bakar.

**Advise Yusuf on the procedural steps that he should adopt to make Raja equally liable to Bakar's claim.**

**(7 marks)**

- (b) Razak filed and served a writ action against Amir alleging that Amir had committed fraud resulting in losses to Razak. Amir is unable to file a statement of defence on the merits as the allegations of fraud in the statement of claim lack particulars.

**Advise Amir on the procedure he should adopt which will assist him to file a proper statement of defence on merits to Razak's statement of claim.**

**(8 marks)**

- (c) The Plaintiff and Defendant are both prominent persons. The Plaintiff filed a writ action against the Defendant for defamation. The Defendant filed a defence and further filed a counterclaim for defamation against the Plaintiff. After pleadings were closed, the Defendant applied to amend his defence and counterclaim in the following manner:
- (i) the inclusion of a new paragraph in the defence wherein the Defendant described the Plaintiff as a loan shark, money launderer and the head of an illegal gambling syndicate. No facts to support those allegations were stated in the proposed amendment;
  - (ii) in his original defence, the Defendant had admitted calling the Plaintiff a swindler and in his proposed amendment to the defence, he denies calling the Plaintiff such a name and wants to withdraw the admission;
  - (iii) in his counterclaim, the Defendant wants to add a fresh cause of action in libel against the Plaintiff for what the Plaintiff allegedly wrote about the Defendant after the writ was filed in court.

**Advise the Plaintiff if he may successfully object to the proposed amendments to the defence and counterclaim.**

**(10 marks)**

**6. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) Arik discovered that his employee, Halim, sells infringing copies of his products. Arik is worried that Halim will destroy the incriminating evidence and remove the infringing copies of the products before he is able to sue Halim.

**Advise Arik on the remedy and procedure for addressing such a concern.**

**(15 marks)**

**(b) What are the orders that the court may make in respect of an application under Order 14 of the Rules of Court 2012?**

**(4 marks)**

**(c) State the statutes which forbid the attachment of debt in the enforcement of judgment.**

**(6 marks)**

**7. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

**(a) The Federal Court, being the apex court of the country, has the inherent power to review including that of the Court of Appeal's decisions. Discuss by reference to the relevant statutory provisions and the decided cases.**

**(10 marks)**

**(b) With reference to case law, discuss the circumstances under which an appellate court will interfere with the findings of fact of the trial court.**

**(10 marks)**

**(c) What is your advice if an application for judicial review is not made within three months from the date when the grounds of application first arose or when the decision is first communicated to the applicant?**

**(5 marks)**

**oOOo**



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN  
(TAMBAHAN) 2025**

**PROSEDUR SIVIL**

**Isnin, 17 November 2025**

**Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi**

**Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari**

---

**\*KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**

**\*ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**

**\*ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**

**\*BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**

**\*KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**

---

**PERINGATAN:**

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

**(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 11 muka surat)**



**BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB****1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

- (a) Suatu kes telah ditetapkan untuk perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada tarikh perbicaraan, peguam Defendan telah memohon suatu penangguhan kerana Defendan tidak hadir. Alasan ketidakhadiran Defendan ialah penerbangannya pada awal pagi dari Kuching ke Kuala Lumpur telah dilewatkan akibat cuaca yang buruk.

**Berikan nasihat kepada Plaintiff jika dia boleh dengan jayanya membantah permohonan penangguhan itu. Berikan alasan-alasan untuk jawapan anda.**

**(5 markah)**

- (b) Andaikan bahawa permohonan penangguhan bagi perbicaraan itu tidak dibenarkan oleh mahkamah dan Hakim telah memerintahkan supaya perbicaraan itu dimulakan.

**Bolehkah peguam Plaintiff memohon kepada mahkamah untuk memasukkan penghakiman terhadap Defendan atas alasan bahawa Defendan tidak hadir? Berikan alasan-alasan untuk jawapan anda.**

**(5 markah)**

- (c) Andaikan bahawa mahkamah telah tidak membenarkan Plaintiff untuk memasukkan penghakiman terhadap Defendan dan memerintahkan supaya perbicaraan itu diteruskan. Sebelum Plaintiff memulakan testimoninya, Hakim memerintahkan supaya pelbagai ikatan dokumen yang telah difailkan sebelum perbicaraan itu oleh pihak-pihak ditandakan.

**Berikan nasihat kepada Plaintiff mengenai kriteria yang diikuti oleh mahkamah untuk membezakan dan menandakan pelbagai ikatan dokumen itu.**

**(5 markah)**

- (d) Sebaik sebelum Plaintiff memulakan testimoninya, peguam Defendan telah membuat bantahan awal terhadap tuntutan Plaintiff atas alasan bahawa pernyataan tuntutan Plaintiff itu adalah cacat.

**Berikan nasihat kepada Plaintiff jika bantahan awal oleh peguam Defendan akan berjaya.**

**(5 markah)**

- (e) Andaikan bahawa Hakim itu telah memerintahkan supaya perbicaraan itu diteruskan. Plaintiff telah menutup kesnya dan peguam Defendan telah diminta untuk membuka kes pembelaan. Pada ketika itu, peguam Plaintiff telah menyedari bahawa dia telah gagal untuk mengemukakan suatu soalan penting kepada Plaintiff semasa pemeriksaan semula. Plaintiff ingin membuka semula kesnya untuk memasukkan soalan tambahan itu dalam pemeriksaan semula.

**Berikan nasihat kepada Plaintiff jika perkara ini boleh dilakukan.**

**(5 markah)**

### **BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN**

2. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) ABC Sdn. Bhd. telah membeli suatu karya seni daripada Peter yang telah diletakkan di bilik lembaga pengarah-pengarah ABC Sdn. Bhd. Harga belian ialah RM1.5 juta dan syarikat itu mempunyai 60 hari untuk membayar jumlah wang itu kepada Peter. Sementara itu, ABC Sdn. Bhd. telah didatangi oleh David yang mendakwa bahawa karya seni itu adalah miliknya dan bahawa karya seni itu telah dipindahkan secara tidak sah dari studionya oleh Peter. ABC Sdn. Bhd. telah memutuskan untuk membatalkan pembelian karya seni itu daripada Peter. Kedua-dua Peter dan David kini telah menuntut supaya ABC Sdn. Bhd. memulangkan karya seni itu kepada setiap seorang daripada mereka, masing-masing dan kedua-dua mereka telah melantik

peguam cara mereka sendiri untuk membuat tuntutan di sisi undang-undang terhadap ABC Sdn. Bhd.

**Berikan nasihat kepada ABC Sdn. Bhd. mengenai prosedur yang patut diguna pakai oleh ABC Sdn. Bhd. untuk mengelak daripada terperangkap dalam pertikaian antara Peter dengan David.**

**(8 markah)**

- (b) Phang telah memfailkan tindakan writ terhadap XY Contractor Sdn. Bhd. untuk ganti rugi yang berbangkit daripada kecacatan yang serius pada pembinaan suatu rumah percutian bagi Phang di Bukit Fraser. Semasa membuat persediaan untuk perbicaraan, peguam cara Phang telah meminta Phang untuk mengemukakan lukisan teknikal yang dibuat oleh jurutera perunding bagi rumah percutian itu. Jurutera perunding itu tidak menghiraukan permohonan Phang supaya lukisan teknikal itu dikemukakan kepada Phang. Peguam cara Phang berpandangan bahawa lukisan teknikal itu adalah penting jika Phang ingin berjaya dalam perbicaraan itu.

**Berikan nasihat kepada Phang mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya untuk mendapatkan lukisan teknikal itu daripada jurutera perunding dan prinsip undang-undang yang terlibat.**

**(8 markah)**

- (c) Wong, seorang warganegara China yang menetap di China, merupakan seorang pembeli secara tunai sebuah unit kondominium di Kuala Lumpur, setelah membelinya daripada seorang pemaju. Wong telah memfailkan tuntutan di Mahkamah Sesyen terhadap pemaju itu untuk ganti rugi bagi serahan lewat milikan kosong dan bagi kecacatan pada kondominium itu. Pemaju itu telah memfailkan suatu permohonan di mahkamah yang menghendaki Wong untuk memberikan jaminan kos atas alasan bahawa Wong lazimnya bermastautin di luar bidang kuasa mahkamah Malaysia. Wong telah memohon nasihat anda tentang sama ada dia boleh membantah dengan jayanya permohonan pemaju itu untuk jaminan kos.

**Berikan nasihat kepada Wong mengenai prinsip undang-undang yang terpakai apabila Mahkamah menentukan permohonan untuk jaminan kos tersebut.**

**(9 markah)**

**3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Hassan telah memfailkan suatu tindakan writ di Mahkamah Sesyen terhadap Daud bagi kecederaan yang dialaminya dalam suatu kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh kecuaiannya Daud. Hassan telah memaklumkan Daud bahawa semasa perbicaraan tindakan itu, dia akan menuntut RM500,000.00 sebagai ganti rugi khas dan am termasuk kos terhadap Daud. Daud telah dinasihati oleh peguam caranya bahawa jumlah ganti rugi Hassan tidak akan melebihi RM100,000.00. Daud ingin menawarkan RM100,000.00 kepada Hassan dan jika Hassan menolak tawaran itu, dia ingin Hassan bertanggungjawab untuk membayar kos tindakan itu jika kurang daripada RM100,000.00 diawardkan oleh mahkamah.

**Berikan nasihat kepada Daud mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya.**

**(8 markah)**

- (b) Plaintiff telah memfailkan suatu tindakan libel terhadap Defendan. Dalam pernyataan tuntutan, Plaintiff telah menuntut ganti rugi am. Walaupun writ saman dan pernyataan tuntutan telah disampaikan kepada Defendan, Defendan gagal untuk memasukkan kehadiran dalam masa yang dihadkan untuk memasukkan kehadiran.

**Berikan nasihat kepada Plaintiff mengenai langkah-langkah prosedur yang patut diguna pakai olehnya dengan mengambil kira keingkaran Defendan.**

**(9 markah)**

- (c) Param telah secara sah menggunakan lintasan pejalan kaki untuk melintas jalan apabila sebuah kereta yang dipandu oleh Devan melanggarnya. Kereta itu kemudiannya merempuh satu kenderaan lain. Devan telah terkorban dalam pelanggaran terkemudian itu. Param telah mengalami kecederaan serius. Param kini ingin memfailkan suatu tindakan writ terhadap harta pusaka Devan untuk ganti rugi am. Sepanjang pengetahuan Param, tiada surat kuasa mentadbir atau pemberian probet telah dikeluarkan berkenaan dengan harta pusaka Devan.

**Berikan nasihat kepada Param mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya jika dia ingin memulakan tindakan undang-undang terhadap harta pusaka Devan.**

**(8 markah)**

**4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Plaintiff telah memfailkan tindakan writ terhadap Defendan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu, Kelantan dan writ itu telah dikeluarkan pada 1 Jun 2025. Oleh sebab Defendan tidak dapat dikesan walaupun beberapa percubaan penyampaian telah dibuat, kes itu kerap ditangguhkan di mahkamah. Pada 16 November 2025, apabila kes itu telah tiba masa untuk pengurusan kes, mahkamah telah mengarahkan supaya writ itu mestilah disampaikan sebelum tarikh pengurusan kes yang seterusnya pada 15 Disember 2025.

**Berikan nasihat kepada Plaintiff mengenai langkah-langkah prosedur yang patut diguna pakai olehnya untuk melaksanakan penyampaian writ saman yang sah.**

**(10 markah)**

- (b) Adam telah membuat suatu perjanjian pajakan dengan seorang pemilik suatu kawasan membeli-belah, iaitu Zee Mall Berhad, untuk memajak sepuluh (10) lot kedai bagi maksud menjalankan perniagaan perabot bagi tempoh

10 tahun. Adam telah membayar sewa bagi tahun pertama pajakan itu. Zee Mall Berhad kemudiannya mengesyaki bahawa Adam mungkin menukarkan perniagaan perabot itu menjadi suatu perniagaan menjual keranda dan jika ini berlaku, imej kawasan membeli-belah itu akan terjejas teruk, dan penyewa lain di kawasan membeli-belah itu mungkin tidak akan memperbaharui sewaan mereka. Walau bagaimanapun, Zee Mall Berhad tidak mempunyai keterangan untuk menyokong rasa syak mereka.

Zee Mall Berhad telah memberikan notis penamatan pajakan kepada Adam dan telah mengugut untuk mengusir Adam keluar dari premis itu.

**Adam ingin Zee Mall Berhad dikehendaki terikat dengan terma-terma perjanjian pajakan itu dan inginkan suatu perintah mahkamah dengan segera untuk memaksa Zee Mall Berhad untuk mematuhi perjanjian pajakan itu. Berikan nasihat kepada Adam mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya dalam hal keadaan itu.**

**(8 markah)**

- (c) Ahmad dan Harun merupakan pekongsi bagi sebuah firma akauntan. Mereka telah menyempurnakan perjanjian perkongsian keuntungan antara mereka yang berhubung dengan pembahagian keuntungan. Suatu pertikaian telah timbul antara mereka berkenaan dengan pembahagian keuntungan. Ahmad telah memfailkan tindakan writ terhadap Harun yang menuntut, antara lain, suatu perisytiharan bahawa Ahmad berhak kepada suatu bahagian keuntungan yang lebih besar di bawah perjanjian perkongsian keuntungan itu.

Harun berpandangan bahawa Ahmad telah salah mentafsirkan suatu klausa dalam perjanjian perkongsian keuntungan itu dan bahawa pertikaian itu boleh diselesaikan jika mahkamah boleh menentukan maksud sebenar klausa itu. Kes itu telah ditetapkan untuk perbicaraan pada tahun 2026.

**Harun inginkan suatu resolusi segera bagi pertikaian itu di mahkamah dan telah memohon nasihat anda mengenai cara yang paling segera untuk menyelesaikan isu itu tanpa perlu melalui suatu perbincaraan penuh.**

**(7 markah)**

**5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Yusuf dan Raja merupakan pekongsi sama rata dalam suatu firma. Mereka mempunyai hubungan perniagaan sejak dahulu lagi dengan Bakar yang membekalkan bahan binaan kepada mereka. Tidak lama kemudian, Yusuf dan Raja telah berhenti membayar Bakar bagi barang-barang yang dibekalkan dan sebaik setelah itu, firma mereka telah berhenti beroperasi. Di mana Raja berada tidak diketahui. Bakar telah memfailkan tindakan writ terhadap Yusuf untuk amaun yang terhutang kepadanya oleh firma itu. Atas sebab yang tidak diketahui, Bakar tidak menamakan Raja sebagai defendan bersama.

Yusuf tidak gembira bahawa Bakar telah tidak memasukkan Raja dalam tindakan writ itu. Yusuf berpandangan bahawa Raja sepatutnya dijadikan bertanggung sebanyak 50% daripada apa-apa jua jumlah wang kena dibayar kepada Bakar.

**Berikan nasihat kepada Yusuf mengenai langkah-langkah prosedur yang patut diguna pakai olehnya untuk menjadikan Raja bertanggung secara sama rata kepada tuntutan Bakar.**

**(7 markah)**

- (b) Razak telah memfailkan dan menyampaikan tindakan writ terhadap Amir dengan mengatakan bahawa Amir telah melakukan fraud yang menyebabkan kerugian kepada Razak. Amir tidak dapat memfailkan pernyataan pembelaan berdasarkan merit kerana pengatahan fraud dalam pernyataan tuntutan itu kekurangan butir-butir.

**Berikan nasihat kepada Amir mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya yang akan membantunya untuk memfailkan pernyataan pembelaan yang sewajarnya berdasarkan merit kepada pernyataan tuntutan Razak.**

**(8 markah)**

(c) Kedua-dua Plaintiff dan Defendan merupakan orang yang tersohor. Plaintiff telah memfailkan tindakan writ terhadap Defendan untuk fitnah. Defendan telah memfailkan pembelaan dan selanjutnya memfailkan tuntutan balas bagi fitnah terhadap Plaintiff. Selepas pliding ditutup, Defendan telah memohon untuk meminda pembelaan dan tuntutan balasnya mengikut cara yang berikut:

- (i) memasukkan suatu perenggan baharu dalam pembelaan yang dalamnya Defendan memperihalkan Plaintiff sebagai seorang lintah darat, seorang yang menjalankan pengubahan wang haram dan ketua suatu sindiket perjudian haram. Tiada fakta untuk menyokong pengataan itu dinyatakan dalam pindaan yang dicadangkan itu;
- (ii) dalam pembelaannya yang asal, Defendan telah mengakui yang dia telah memanggil Plaintiff seorang penipu dan dalam pindaan yang dicadangkan bagi pembelaannya, Defendan menafikan yang dia telah memanggil Plaintiff dengan nama sedemikian dan ingin menarik balik pengakuan itu;
- (iii) dalam tuntutan balasnya, Defendan ingin menambah suatu kausa tindakan libel yang baharu terhadap Plaintiff bagi apa yang Plaintiff dikatakan telah menulis mengenai Defendan selepas writ itu difailkan di mahkamah.

**Berikan nasihat kepada Plaintiff jika dia boleh membantah dengan jayanya terhadap pindaan yang dicadangkan bagi pembelaan dan tuntutan balas itu.**

**(10 markah)**

**6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Arik mendapati bahawa pekerjaanya, Halim, menjual salinan langgaran bagi produknya. Arik khuatir bahawa Halim akan memusnahkan keterangan yang menunjukkan Halim bersalah dan memindahkan salinan langgaran bagi produk itu sebelum Arik dapat membawa guaman terhadap Halim.

**Berikan nasihat kepada Arik mengenai remedi dan prosedur untuk mengatasi kebimbangan itu.**

**(15 markah)**

- (b) **Apakah perintah-perintah yang boleh dibuat oleh mahkamah berkenaan dengan suatu permohonan di bawah Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012?**

**(4 markah)**

- (c) **Nyatakan statut-statut yang melarang penahanan hutang dalam penguatkuasaan penghakiman.**

**(6 markah)**

**7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) **Mahkamah Persekutuan, yang merupakan mahkamah tertinggi di negara ini, mempunyai kuasa sedia ada untuk mengkaji semula termasuk untuk mengkaji semula keputusan Mahkamah Rayuan. Bincangkan dengan merujuk peruntukan statutori yang berkaitan dan kes-kes yang diputuskan.**

**(10 markah)**

- (b) **Dengan merujuk undang-undang kes, bincangkan hal keadaan yang dalamnya mahkamah rayuan akan campur tangan dengan dapatan fakta oleh mahkamah perbicaraan.**

**(10 markah)**

- (c) **Apakah nasihat anda jika suatu permohonan untuk semakan kehakiman tidak dibuat dalam masa tiga bulan dari tarikh apabila alasan bagi permohonan itu mula-mula berbangkit atau apabila keputusan itu mula-mula diberitahu kepada pemohon?**

**(5 markah)**

**oOOo**